NAMA: ........................................................... TINGKATAN: .............

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5**

**TAHUN 2024**

# SEJARAH

## Kertas 1

## Satu jam

**JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

1 Mengapakah undang-undang dilaksanakan oleh kerajaan Majapahit?

A Menjamin kesejahteraan

B Menentukan corak pentadbiran

C Menyekat pengaruh kerajaan luar

D Menetapkan sempadan antara negeri

2 Rajah berikut berkaitan dengan perundangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.




Apakah persamaan undang-undang tersebut?

A Menetapkan tugas raja dan pembesar

B Mengandungi peraturan kekeluargaan

C Menjelaskan hukuman perbuatan jenayah

D Menghuraikan pantang larang dalam masyarakat

3 Jose Rizal menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol. Bagaimanakah beliau berusaha mencapai tuntutan tersebut?

A Menubuhkan Katipunan

B Membentuk Liga Filipina

C Melancarkan gerakan revolusi

D Menyebarkan idea melalui akhbar

4 Jadual berikut berkaitan dengan langkah pemodenan pentadbiran di Thailand.

| Pemerintah Thailand | Tindakan |
|---|---|
| Raja Mongkut | Melaksanakan birokrasi Barat |
| Raja Chulalongkorn | |

Mengapakah pemerintah di atas melaksanakan tindakan tersebut?

A Persaingan kuasa besar
B Pemantapan kuasa pentadbiran
C Pengekalan kedaulatan negara
D Penguasaan ekonomi oleh pembesar

5 Mengapakah tercetusnya Perang Dunia Pertama?

A Kehilangan tanah jajahan
B Kemunculan ideologi baru
C Kewujudan pakatan tentera
D Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa

6 Apakah kesan pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

A Kemasukan idea pembaharuan
B Kemunculan revolusi bersenjata
C Perpaduan kaum diperkukuhkan
D Perkembangan semangat antipenjajah

7 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran British di Tanah Melayu pada tahun 1946.

| | |
|---|---|
| X | Diketuai oleh Gabenor British |
| | Kewarganegaraan melalui prinsip *jus soli* |

Apakah **X**?

A Pentadbiran Tentera British
B Majlis Perundangan Persekutuan
C Persekutuan Tanah Melayu
D Malayan Union

8 Mengapakah Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British?

I Masalah kewangan
II Masalah pewarisan takhta
III Mengabaikan surat wasiat
IV Mematuhi Perlembagaan 1941

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Penduduk Tanjung Malim enggan memberikan sebarang maklumat berhubung insiden serangan komunis yang membunuh 12 pekerja membaiki paip di daerah itu pada tahun 1952.

Sumber : e-journal.um.edu.my

Bagaimana British mengatasi masalah tersebut?

A Melancarkan Perang Saraf

B Melaksanakan Rancangan Briggs

C Menggeledah rumah di Tanjung Malim

D Menangkap individu yang enggan bekerjasama

12 Penamatan zaman darurat meninggalkan pelbagai kesan politik sepanjang tempoh 12 tahun di negara kita.

Apakah kesan tersebut?

A Memulih kepercayaan rakyat

B Mempercepatkan kemerdekaan

C Mengukuhkan kepimpinan negara

D Meningkatkan kos perbelanjaan pihak British

13 Apakah kebaikan Sistem Ahli terhadap Persekutuan Tanah Melayu?

A Menjimatkan kewangan kerajaan

B Mengekalkan pemerintahan beraja

C Menguasai semua portfolio kerajaan

D Mendapat peluang menerajui kerajaan

14 Bagaimanakah sistem persekolahan di Tanah Melayu semasa pentadbiran British?

A Pemantauan oleh kerajaan

B Pembayaran gaji oleh British

C Menyatupadukan rakyat tempatan

D Menggunakan kurikulum berlainan

15 Dato Ali ingin menjadi calon dalam pilihan raya yang diadakan pada tahun 1955. Apakah syarat yang perlu beliau patuhi?

I Berumur 21 tahun

II Merupakan pemimpin parti politik

III Berpengetahuan dalam bahasa Melayu

IV Warganegara Persekutuan Tanah Melayu

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

16 Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

A Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu

B Mengurangkan kuasa pentadbiran British

C Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu

D Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat

17 Gambar berikut menunjukkan Tunku Abdul Rahman sedang diarak ke Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.



Sumber : pekhabar.com

Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada negara?

A Pengumuman tarikh kemerdekaan

B Lantikan Ketua Menteri Persekutuan

C Lawatan pemimpin negara ke Melaka

D Pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu

18 Suruhanjaya Perlembagaan telah merujuk kepada beberapa terma semasa merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Apakah terma tersebut?

A Hak sama rata

B Kedudukan British

C Bentuk kewarganegaraan

D Mewujudkan jawatan ketua menteri

19 Pasangan manakah yang **betul** berkaitan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara 1957?

| | Jawatankuasa Persediaan Fizikal | Jawatankuasa Sambutan |
|---|---|---|
| A | Menyediakan pakaian khas | Mencadangkan lagu kebangsaan |
| B | Membina stadium | Menganjurkan kursus protokol |
| C | Memberi gaji awal | Memilih bunga kebangsaan |
| D | Menempah bendera | Membina istana negara |

20 Kerajaan Persekutuan telah mengedarkan Buku Merah ke seluruh negara. Kerajaan mengedarkan buku tersebut sebagai panduan

A melaksanakan pertanian selepas merdeka
B memantau perkembangan kemudahan asas
C menyediakan pelan perniagaan komprehensif
D mengenalpasti dakyah komunis di Tanah Melayu

21 Kedaulatan moden dikaitkan dengan

A kewibawaan raja
B kehakiman yang bebas
C kerajaan berperlembagaan
D kerajaan terikat oleh undang-undang

22 Apakah kepentingan menjadi negara berdaulat?

A Menguasai politik serantau
B Menjadi kuasa utama ekonomi
C Mewujudkan pentadbiran berkesan
D Menentukan hala tuju pendidikan global

23 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan?

I Meneruskan pemerintahan beraja

II Satu kewarganegaraan yang sama

III Mengamalkan demokrasi berparlimen

IV Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

24 Mengapakah pindaan perlembagaan dilakukan pada tahun 1963?

A Pengukuhan politik

B Pemisahan Singapura

C Pembukaan pasaran bersama

D Penggabungan antara wilayah

25 British sukar meluaskan kuasa mereka di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Mengapa keadaan itu berlaku?

A Kekurangan tentera

B Kurang sokongan penduduk

C Halangan pemerintahan beraja

D Terlibat dengan perang di Eropah

26 Perlembagaan Malaysia menetapkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.
Antara yang berikut, yang manakah bidang kuasa eksekutif baginda?

| | |
|---|---|
| I | Mengisytihar darurat |
| II | Melantik Perdana Menteri |
| III | Pemerintah tertinggi tentera |
| IV | Ketua agama Islam di negeri baginda sendiri |

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

27 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di negara ini.




Apakah **X**?

A Kerajaan Negeri

B Kerajaan Persekutuan

C Dewan Undangan Negeri

D Pihak Berkuasa Tempatan

28 Maklumat berikut berkaitan penubuhan majlis khas di negara ini.

- Majlis Kewangan Negara
- Majlis Tanah Negara
- Majlis Air negara

Mengapakah majlis-majlis tersebut ditubuhkan?

A Memupuk perpaduan rakyat

B Mendaulatkan undang-undang

C Mengukuhkan sistem Persekutuan

D Menjamin keharmonian masyarakat

29 Berikut adalah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk merealisasikan gagasan Malaysia.

| Jawatankuasa | Pengerusi |
|---|---|
| Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) | Donald Stephens |

Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

A Merangka perlembagaan Malaysia

B Menetapkan tarikh pilihan raya umum

C Menyebar maklumat rancangan Malaysia

D Mendapatkan kata sepakat rakyat Singapura

30 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan Akta Malaysia?

I Sabah berhak menubuhkan kabinet negeri
II Hal ehwal luar negeri tanggungjawab negeri
III Pertahanan di bawah kawalan kerajaan negeri
IV Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

31 Apakah faktor yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia?

I Hak faedah percukaian
II Hak sama rata semua kaum
III Pembukaan pasaran bersama
IV Pengekalan sebagai pelabuhan bebas

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

32 Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi melindungi rakyat daripada ancaman pengganas komunis termasuk pelaksanaan Strategy Counterinsurgency (COIN).

Apakah langkah yang diambil melalui strategi tersebut?

A Menawarkan pengampunan
B Mengadakan catuan makanan
C Menempatkan semula penduduk
D Memenangi hati rakyat tempatan

33 Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Bagaimanakah bahasa Melayu diperkasakan dalam sistem pendidikan?

I Menubuhkan Sekolah Alam Shah

II Menggalakkan penglibatan swasta

III Mewajibkan penggunaannya dalam semua urusan

IV Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

34 Berikut adalah slogan yang dilaungkan setiap kali ahli sukan negara bertanding dalam kejohanan tertentu.

| **"MALAYSIA BOLEH"** |
|---|

Apakah nilai daripada laungan slogan tersebut?

A Patriotisme

B Kesungguhan

C Berdaya saing

D Tanggungjawab

35 Mengapakah Tun Abdul Razak Hussein memperkenalkan Rancangan Buku Hijau?

A Menggalakkan pelaburan asing

B Menambah pendapatan rakyat

C Mengurangkan import makanan

D Menggalakkan penglibatan rakyat dalam pertanian

36 Apakah matlamat yang ingin dicapai melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ?

A Mengagih kekayaan untuk perpaduan
B Memajukan pertanian masyarakat luar bandar
C Memupuk kerjasama melalui sistem pendidikan
D Memperkenalkan pertanian dan perindustrian moden

37 Malaysia menentang keras Dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan.
Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

A Menyekat pertumbuhan ekonomi antarabangsa
B Menggalakkan perlumbaan senjata nuklear
C Menyalahgunakan hak asasi manusia
D Menimbulkan ketegangan antara kaum

38 Gambar berikut adalah logo Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

Apakah manfaat yang Malaysia peroleh dalam pertubuhan tersebut?

I Perkembangan Sistem Perbankan Islam
II Pembangunan Bidang Pendidikan
III Perairan negara terkawal
IV Identiti bangsa mantap

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

39 Antara berikut, yang manakah merupakan sumbangan Malaysia dalam mengekalkan kelestarian global?

I Membangkitkan isu Antartika
II Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi
III Melancarkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali
IV Menganjurkan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

40 Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) telah ditandatangani pada 1995.
Bagaimanakah Malaysia menunjukkan komitmen terhadap perjanjian tersebut?

A Melarang pembinaan loji nuklear
B Menutup laluan perdagangan antarabangsa
C Memutuskan hubungan dengan negara pengeluar
D Menghalang kapal nuklear berlabuh di perairannya

**MODUL TAMAT**